



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.


Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : ~~hccar~~@moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM-55/BPF/104/012/01 JLD. 12 (50)

Tarikh : 29 April 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,



PENGGUNAAN INJECTION LINCOMYCIN DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Keputusan kajian *National Medical Care Survey 2010* mendapati bahawa 55.5% daripada jumlah ubat injeksi yang dipreskrib di sektor kesihatan primer adalah Injection Lincomycin. Kajian tersebut juga mendapati bahawa Injection Lincomycin telah dipreskrib untuk indikasi *dermatitis, cellulitis, viral fever, infected carbuncle, abscess, leg ulcer, urinary tract infection, tonsillitis* dan *upper respiratory tract infection*.

3. Untuk makluman tuan, indikasi yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah bagi Injection Lincomycin ialah "*treatment of serious infections due to susceptible strains of streptococci, pneumococci, staphylococci, meningococci and other susceptible organisms. Its use should be reserved for penicillin-allergic patients or other patients for whom, in the judgment of the physician, a penicillin is inappropriate.*" Selain daripada itu, ia juga diluluskan untuk rawatan "*actinomycosis, bacteroides infections, osteomyelitis, cellulitis, pneumonia, group A beta-haemolytic streptococcal infections.* **Lincomycin is not indicated in the treatment of minor bacterial infections or viral infections.**"

4. Penggunaan Injection Lincomycin secara berleluasa di fasiliti kesihatan primer menimbulkan kebimbangan kerana strain Staphylococcal yang rintang terhadap lincomycin telah ditemui. Penggunaan lincomycin juga dikaitkan dengan risiko untuk mendapat *antibiotic-associated pseudomembranous colitis*. Disebabkan oleh risiko ini, pakar perubatan adalah diingatkan agar mengambil kira *nature* jangkitan serta kesesuaian bagi penggunaan antibiotik alternatif yang kurang toksik seperti erythromycin sebelum mempreskrib Injection Lincomycin.

5. Berdasarkan laporan yang diterima oleh Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan dari tahun 2000 hingga bulan Jun 2012, terdapat lima laporan kesan advers ubat berkaitan lincomycin telah diterima. Kesan advers ubat yang dilaporkan termasuk *angioedema, seborrheic dermatitis, erythema, erythroderma, itching, neck oedema, rash, maculo-papular rash, Stevens-Johnson syndrome* dan *face oedema*.

6. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk mengingatkan ahli-ahli supaya mempreskrib Injection Lincomycin secara berasas bagi mengekang kerintangan terhadap antibiotik ini dan mengurangkan risiko akibat penggunaannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ikhlas,



(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

SENARAI EDARAN



1. Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia

2. Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association, Malaysia

3. Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia